

Surat Kami : 500-iLQaM (17/5/3)  
 Tarikh : 29 Mei 2007

**SEMUA PESERTA**  
**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) JUN 2007**

Tuan/Puan

**KURSUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) PENSYARAH UiTM 2007**

Sukacita dimaklumkan bahawa kursus PTK Pensyarah UiTM 2007 tersebut akan diadakan sebagaimana butiran berikut :

Tarikh : TK3, TK4, TK5 & TK6 - 24 hingga 30 Jun 2007

Tuan/puan adalah dikehendaki membawa bersama bahan-bahan berikut sebagai persediaan untuk komponen ujian PTK :

1. *Research Proposal* berkaitan dengan bidang masing-masing mengikut format e-Science *atau* FRGS (sila layari laman web INFOREC).  
**Nota:** Penyediaan *Proposal* adalah untuk penyelidikan yang dibuat secara individu. Tajuk Proposal perlu dihantar ke iLQaM sebelum atau pada 10 Jun 2007 (untuk semua TK3, TK4, TK5 & TK 6)
2. Hasilan Penyelidikan *atau* Penerbitan *atau* Karya Kreatif untuk pembentangan dan penilaian (untuk TK3, TK4 & TK5 sahaja).
3. Pendekatan Pengajaran berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran (untuk TK3 sahaja).
4. Bahan Rujukan yang berkaitan dengan perkara di atas.

Tuan/puan juga adalah digalakkan untuk membawa *laptop* sendiri bagi menyiapkan tugas individu dan membawa sekeping gambar berukuran *passport*.

Segala perbelanjaan perjalanan yang berkaitan dengan kursus ini adalah ditanggung oleh pihak kampus masing-masing. Penginapan akan disediakan untuk peserta dari kampus cawangan sahaja. Sila rujuk *i-staf portal* berhubung dengan penempatan penginapan, jadual, modul kursus dan tempat berkursus yang akan dikeluarkan mulai 18 Jun 2007.

Tuan/puan dikehendaki merujuk *i-staf portal* untuk maklumat terkini berkaitan dengan kursus PTK ini. Sebarang pertanyaan mengenai kursus, sila hubungi **Pn. Anna Kartini Ahmad Lotfi, Penolong Pendaftar /Puan Faridah Binti Mohd Saad, Pegawai Eksekutif di talian 03-55442716/2713.**

Sekian dan selamat maju jaya.

Yang benar



PROF. MADYA DR. MOHD MUSTAFA MOHD GHAZALI

Penolong Naib Canselor (Kepimpinan)

s.k      Naib Canselor  
Pendaftar  
Dekan/Pengarah Kampus/Ketua Bahagian